## AK4 PENGAMBILAN X-RAY

| TANGGUNGJAWAB | TINDAKAN | |
|---|---|---|
| **A. PENGAMBILAN X-RAY INTRA ORAL ( JENIS KONVENSIONAL DAN DIGITAL):** | | |
| PP/PPP | 1. | Pastikan bahagian mulut yang hendak di x-ray. |
| PPP | 2.1<br><br><br><br>2.2 | Bagi Mesin Xray jenis konvensional:<br>• Gunakan jenis filem x-ray yang sesuai<br>• Rekod dalam Daftar Pengambilan X-ray M-BKPNM-BK13 pin.01 terkini.<br>Bagi Mesin Xray jenis digital :<br>• Gunakan jenis sensor plate yang sesuai.<br>• Daftar dalam database di komputer induk<br>• Rekod dalam Daftar Pengambilan X-ray M-BKPNM-BK13 pin.01 terkini menggunakan nombor kad pengenalan pesakit. |
| PPP | 3. | Pasangkan suis lampu amaran radiasi. Pastikan mesin xray berfungsi. |
| PPP | 4. | Pilih program x-ray yang sesuai mengikut bahagian mulut. |
| PPP | 5. | Minta pesakit duduk di atas kerusi. |
| PPP | 6. | Pasangkan apron pelindung sinaran x-ray pada pesakit. Amalkan kawalan jangkitan silang. |
| PP/PPP | 7. | Letakkan filem x-ray/sensor plate di sebelah dalam bahagian mulut yang hendak di x-ray dan pastikan filem kekal pada tempat tersebut. |
| PP/PPP | 8. | Tujukan tiub x-ray dengan betul pada bahagian mulut berkenaan.<br>• Gunakan "x-ray paralleling kit" sekiranya ada dan mengikut keadaan |

| TANGGUNGJAWAB | TINDAKAN | |
|---|---|---|
| PPP | 9. | Minta pesakit supaya jangan bergerak-gerak semasa pengambilan x-ray. |
| PPP | 10. | Mulakan pancaran sinaran x-ray. |
| PPP | 11. | Keluarkan filem /sensor plate dari mulut pesakit. |
| PPP | 12. | Padamkan suis mesin x-ray dan lampu amaran radiasi. |
| PPP | 13. | Minta pesakit menunggu di ruang menunggu/bilik rawatan. |
| **B. PEMPROSESAN FILEM X-RAY KONVENSIONAL:** | | |
| | 1. | **Dengan Menggunakan "Processor" :** |
| PPP | 1.1 | Pastikan larutan developer dan fixer adalah mencukupi dan tidak melebihi tarikh luput. |
| PPP | 1..2 | Masukkan filem x-ray ke dalam "processor" dan keluarkan filem dari pembalut. |
| PPP | 1.3 | Cuci filem dalam developer dan fixer mengikut cara dan masa yang betul. |
| PPP | 1.4 | Keluarkan filem dari "processor" dan cuci dengan air paip bersih, kemudian teruskan ke langkah 2.8 |

| TANGGUNGJAWAB | | TINDAKAN |
|---|---|---|
| PPP | 2.<br>2.1 | **X-ray Instant Hanshin:**<br>Sediakan larutan bancuhan fixer mengikut arahan pada kotak pembungkusan X-ray. |
| PPP | 2.2 | Keluarkan larutan DQE dengan syringe |
| PPP | 2.3 | Suntikkan larutan DQE dengan perlahan ke penjuru pembalut X-Ray mengikut sukatan yang ditetapkan:<br>Dental Size: 3-3.5ml<br>Junior Size: 2-2.5ml<br>Occlusal Size: 9-9.5ml |
| PPP | 2.4 | Gerakkan larutan DQE dengan memicitkan perlahan-lahan pembalut plastic filem selama lebih dari 30 saat. |
| PPP | 2.5 | Buka pembalut filem |
| PPP | 2.6 | Rendam filem ke dalam larutan 'hardening' yang telah disediakan. |
| PPP | 2.7 | Cuci filem di bawah air mengalir lebih dari 15 minit dan tidak melebihi 30 minit. |
| PPP | 2.8 | Pengeringan mesti dibuat pada tempat yang terlindung dan mempunyai peredaran udara yang baik serta tidak melebihi 25°C |
| PPP | 3. | Filem X-Ray diserahkan kepada Pegawai Pergigian untuk pengesahan status samada diterima atau tidak. |

<table>
<tr><th>TANGGUNGJAWAB</th><th colspan="2">TINDAKAN</th></tr>
<tr><td>PPP</td><td>4.</td><td>Bagi Perkhidmatan pesakit luar :<br>• Label filem X-Ray dengan 5 maklumat iaitu nama pesakit, tarikh x-ray diambil, no siri x-ray, no. pemfailan kad dan kawasan / gigi terlibat.<br>• Bagi X-ray yang tidak memuaskan dan tidak diterima, labelkan 'R' untuk "reject".<br>• Catitkan no siri x-ray dan kawasan gigi pada kad rawatan<br>Bagi Unit Pakar Periodontik sahaja :<br>• X-ray di 'mount' pada transparency yang telah dicatit nama pesakit dan kad pengenalan<br>• Pastikan setiap x-ray dicatitkan tarikh diambil dan kawasan/gigi.<br>• Simpan transparency (bersama filem x-ray) ke dalam sampul (berlabel) dan kepilkan bersama kad rawatan LP 12.</td></tr>
<tr><td>PP</td><td>5.</td><td>Catitkan hasil penemuan x-ray ke dalam kad rawatan dan maklumkan kepada pesakit.</td></tr>
<tr><td>PPP</td><td>6.</td><td>Kemaskini catatan pada Daftar Pengambilan X-ray M-BKPNM-BK13 pin.01 terkini.</td></tr>
<tr><td>PPP</td><td>7.</td><td>Simpan filem x-ray selepas rawatan ke dalam sampul plastik yang telah ditulis nama dan nombor pendaftaran pesakit.</td></tr>
<tr><td>PPP</td><td>8.</td><td>Kepilkan sampul berisi filem x-ray pada kad rawatan.</td></tr>
<tr><td>PPP</td><td>9.</td><td>Catitkan dalam kad rawatan jika x-ray perlu dikepilkan bersama surat rujukan pesakit.</td></tr>
<tr><td>PPP</td><td>10.</td><td>Ulang langkah A 2 hingga B bagi x-ray yang tidak diterima dan perlu diulang.</td></tr>
</table>

| TANGGUNGJAWAB | | TINDAKAN |
|---|---|---|
| **C. PEMPROSESAN X-RAY SECARA DIGITAL** | | |
| PPP | 1. | Ikut arahan pembekal untuk pemprosesan imej xray digital. |
| PP | 2. | Catitkan hasil penemuan imej x-ray ke dalam kad rawatan dan maklumkan kepada pesakit. |
| PPP | 3. | Bagi X-ray yang tidak memuaskan dan tidak diterima, sila catitkan dalam kad rawatan. Ulang langkah A 1 hingga 13. |
| PPP | 4. | Buat cetakan imej xray untuk:<br>i. Dikepilkan bersama kad rawatan hanya apabila diperlukan.<br>ii. Dikepilkan bersama surat rujukan apabila kes dirujuk kepada Pakar di lokasi luar klinik. |
| ppp | 5. | Simpan (‘Save’) imej xray dalam ‘backup’ pada setiap hujung hari. |

| TANGGUNGJAWAB | TINDAKAN |
|---|---|
| **D. Pesanan X-Ray Extra Oral** | |
| Pakar/PP | 1. Gunakan borang pemesanan X-ray untuk memesan X-ray seperti Lateral Ceph. , OPG, OMV dll<br>• Minta pesakit hadir ke Jabatan Pengimejan Hospital untuk pengambilan X-ray dan minta serahkan x-ray berkenaan kepada Pakar/PP setelah siap untuk penilaian. |
| Pakar/PP | 2. Catitkan hasil penemuan dari x-ray ke dalam kad rawatan dan maklumkan kepada pesakit. |
| PPP | 3. Catitkan jenis x-ray, tarikh, no siri dalam kad rawatan dan serah ke kaunter untuk simpanan.<br>Untuk Unit Pakar Periodontik, x-ray OPG dikepilkan bersama kad rawatan LP 12. |
| Pakar/PP | 4. Catitkan dalam kad rawatan jika x-ray perlu dikepilkan bersama surat rujukan pesakit |